PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Utara Malaysia.

BIL	JAWATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN
1	**GURU BAHASA / GRED DG9**	**BAHASA INGGERIS**

(a) Jawatan : **GURU BAHASA DG9**
(b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan (D)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
DG9	2,250.00	11,110.00	225.00	300.00	300.00	250.00

Syarat Lantikan:

i) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **DAN**

ii) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan:

i) Memperolehi keputusan sekurang-kurangnya Band 5 dalam *Malaysian University English Test* (MUET) atau sekurang-kurangnya Band 7 dalam *International English Language Testing System* (IELTS)
(MUET 5 tahun terkini / IELTS 2 tahun terkini)

ii) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan boleh bekerja secara berkumpulan.

Taraf Jawatan : Tetap

Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Guru Bahasa adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas Umum:

Bertanggungjawab menyelaras semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa, termasuk lain-lain aktiviti di Pusat Pengajian.

CARA MEMOHON

i) Borang permohonan jawatan hendaklah dimuat turun melalui pautan laman sesawang https://jsm.uum.edu.my/jawatan-kosong.html

ii) Permohonan yang lengkap perlu dihantar ke Unit Perjawatan Akademik, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Sumber Manusia

iii) Tarikh tutup permohonan: **7 Januari 2025 (Selasa)**

CATATAN TAMBAHAN

i) Hanya calon yang layak selepas saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.

ii) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.

iii) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Utara Malaysia.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Sumber Manusia,
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

(u/p: Unit Perjawatan Akademik)

Tel: 04-928 3119
Fax: 04-928 3120